

KEJUARAAN SILAT SEDUNIA KELIMA

Malaysia tidak setuju Singapura jadi penganjur

19 AUG 1988

MALAYSIA kurang senang dengan tindakan Singapura ingin menganjurkan Kejuaraan Silat Sedunia Kelima pada 25 Ogos ini kerana ia tidak mendapat restu semua negara pengasas silat antarabangsa (Pendiri).

Berikutan itu, Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) menghantar bantahan rasmi kepada Persekutuan Ikatan Silat Antarabangsa

B. Harian (M)

(Persilat) yang berpusat di Jakarta dua hari lalu. Setiausaha Pesaka, Abdul Rahman Hassan, berkata bantahan itu dihantar kepada Presiden Persilat, Eddie M Nalapraya, melalui telex ke pejabat Urusetia Persilat di Jakarta.

Katanya: "Kami masih menunggu jawapan selanjutnya mengenai bantahan itu. Jika tidak, Malaysia mungkin tidak akan menghantar pasukan ke kejuaraan itu".

Beliau menegaskan, tindakan Persekutuan Silat Singapura (Pesisir) adalah tidak bijak kerana ia membelakangkan negara yang menganggotai Pendiri, kecuali menamakan kejuaraan itu sebagai Jemputan Singapura sahaja.

Sebelum ini, Persilat sudah menetapkan Kejuaraan Sedunia kelima diadakan pada 1990 atau dua tahun sekali. Keputusan itu dibuat dalam mesyuarat tahunannya di Kuala Lumpur, Disember tahun lalu.

"Kami menyedari hal ini apabila Singapura ingin menggunakan tiga piala pusingan yang diperkenalkan di Kuala Lumpur lalu sebagai hadiah di kejuaraan mereka," katanya.

Abdul Rahman menegaskan, Singapura tidak berhak menggunakan ketiga-tiga piala itu kecuali memperkenalkan piala sendiri.

Adalah difahamkan, Singapura mengundang semua 19 negara yang menyertai Kejuaraan Sedunia di Kuala Lumpur lalu ke kejuaraan itu.

Bagaimanapun, mereka menghadkan kepada enam pesilat silat sahaja bagi setiap negara.

SILAT/ Kejuaraan Sedunia kelima

20 AUG 1988

B. Harian (M)

MSNM minta Pesaka pulau

MAJLIS Silat Negeri Melaka (MSNM) meminta Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) jangan menghantar peserta ke Singapura jika Persekutuan Silat Singapura (Pesisir) terus menganjurkan Kejuaraan Silat Sedunia Kelima pada 25 Ogos ini, lapor *ISNIN AMAN*.

Setiausaha MSNM, Salim Kassim, berkata pihaknya memberi sokongan padu terhadap bantahan yang dibuat oleh Pesaka.

"Pada padangan pihak kami, Kejuaraan Silat Sedunia itu tidak patut dijalankan pada tahun ini kerana kejuaraan itu sudah diadakan tahun lalu di Kuala Lumpur. Oleh itu adalah wajar kejuaraan itu dijalankan dua tahun sekali seperti diputuskan dalam mesyuarat tahun lalu.

"Malah jenis-jenis sukan yang lain juga menjalankan pertandingan peringkat dunia dua atau tiga tahun sekali," katanya sebagai mengulas kenyataan Setiausaha Pesaka, Abdul Rahman Hassan, bahawa Malaysia kurang senang dengan tindakan Singapura itu.

Beliau berkata, MSNM juga meminta Pesaka dan Persekutuan Ikatan Silat Antarabangsa (Persilat) tidak mengiktiraf kejuaraan itu.

Salim berkata, sekiranya Pesisir menganjurkan kejohanan Jemputan Singapura, Pesaka patut menghantar peserta dan memberi sokongan.

"MSNM akan berdiri di belakang Pesaka mengenai isu itu walaupun apa pun yang akan berlaku," katanya.